

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.IIA/(26)

23hb. Mac, 1982

Semua Pegawai dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri,

Akauntan Negeri, Sarawak

Akauntan Negeri, Sabah

Semua Bendahari Negeri.

Y.B/Tuan,

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 1982

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN – FORMAT BARU

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa satu kajian telah dibuat untuk memperbaiki lagi bentuk Penyata Kewangan Tahunan yang juga dikenali sebagai Akaun Awam. Penyata Kewangan Tahunan ini didapati perlu diubah supaya ia memberi gambaran yang lebih jelas mengenai urusan kewangan kerajaan.

2. Format Penyata Kewangan Tahunan yang ada sekarang, telah diperkenalkan pada tahun 1958, berasaskan kepada kehendak Akta Acara Kewangan 1957 yang mula dikuatkuasakan pada 1hb. Januari, 1958.

3. Format baru Penyata Kewangan Tahunan ini, pada permulaannya, adalah disediakan untuk penyata utama serta penyata-penyata ringkas sahaja. Format baru bagi lain-lain lampiran akan disediakan dari masa kesemasa.

4. Penyata Kewangan Tahunan hendaklah dikeluarkan dalam tiga Bahagian seperti berikut:-

i) Bahagian I mengandungi, pada amnya :-

(a) Ulasan atas perkara penting mengenai operasi kewangan kerajaan dalam tahun kewangan yang berkenaan.

(b) Laporan ringkas mengenai terimaan dan perbelanjaan serta lebihan atau kurangan bagi tahun kewangan yang berkenaan dan ulasan atas aspek-aspek penting mengenai perkara-perkara mustahak.

ii) Bahagian II mengandungi penyata ringkas mengenai urusan kewangan kerajaan dalam bentuk Lembaran Imbangan, Akaun Hasil, Akaun Pinjaman, Akaun Amanah dan Penyata-penyata lain yang penting.

iii) Bahagian III mengandungi maklumat yang lebih terperinci mengenai Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, Akaun Amanah dan Akaun Pinjaman.

5. Contoh format baru Penyata Kewangan Tahunan ini adalah disertakan bersama Surat Pekeliling ini. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi tahun 1981 dan seterusnya hendaklah disediakan dalam bentuk format tersebut. Oleh kerana format ini adalah berasaskan butir-butir format Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan maka Kerajaan Negeri bolehlah mengubahsuaiannya untuk menepati keperluan masing-masing.

6. Adalah diharapkan bahawa pelaksanaan format baru ini akan memudahkan lagi kefahaman pengguna-pengguna terhadap Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan. Agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaannya adalah diminta supaya memberi kerjasama sepenuhnya bagi melicinkan penggunaan format baru Penyata Kewangan Tahunan ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara Malaysia.

s.k.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan

KUALA LUMPUR.

Ketua Odit Negara Malaysia,

Pejabat Ketua Odit Negara,

KUALA LUMPUR.

SENARAI PENYATA-PENYATA YANG DISERTAKAN

Bil.	Penyata	Tajuk Penyata
1.		Lembaran Imbangan
2.	A	Penyata Ringkas Wang Tunai Dalam Tangan Dan Dengan Bank
3.	3	Penyata Ringkas Pelaburan
4	C	Akaun Hasil: Penyata Hasil Dan Perbelanjaan
5	C1	Akaun Hasil: Penyata Ringkas Hasil
6	C2	Akaun Hasil: Penyata Ringkas Perbelanjaan Mengurus
7	C3	Akaun Hasil: Penyata Ringkas Pinjaman Boleh Dituntut
8	D	Akaun Amanah : Penyata Ringkas
9	D1	Akaun Amanah : Kumpulanwang Pembangunan – Penyata Pendapatan Dan

Perbelanjaan

10. D1(i) Akaun Amanah : Kumpulanwang Pembangunan – Penyata Ringkas Perbelanjaan
Pembangunan
11. D1(ii) Akaun Amanah : Kumpulanwang Pembangunan – Penyata Ringkas Pinjaman
Boleh Dituntut
12. D2 Akaun Amanah : Kumpulanwang Penjelas – Penyata Pendapatan Dan
Perbelanjaan
13. D3 Akaun Amanah : Lain-lain Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata Ringkas
14. D4 Akaun Amanah : Kumpulanwang Khas – Penyata Ringkas
15. D5 Akaun Amanah : Deposit Dan Lain-lain Wang Amanah – Penyata Ringkas
16. E Akaun Pinjaman : Penyata Ringkas
17. E1 Akaun Pinjaman : Penyata Ringkas Hutang Awam